

**Politik jangan pecah belah umat
Utusan Online
November 15, 2011**

KEKELIRUAN masyarakat terhadap sistem dan tafsiran politik negara mengakibatkan berlakunya perselisihan pendapat. Jika tidak bijak ditangani, ia boleh membawa kepada kepincangan yang kritikal.

Dalam konteks politik menurut syariah Islam (siasah syariah), politik tidak hanya melibatkan aktiviti atau usaha mendapatkan kuasa, tetapi lebih penting ia untuk menguruskan kuasa tersebut dalam menegakkan suruhan berdakwah dengan menghayati ajaran Islam.

Siasah syariah merupakan istilah yang berkaitan ilmu mengenai urusan kenegaraan. Sahibul al-Bahr al-Ra'iq menterjemahkan siasah syariah sebagai sebarang langkah oleh pemerintah untuk kepentingan rakyat yang dirasakan baik walaupun tidak berdasarkan nas atau dalil khusus tertentu.

Allah SWT mengutuskan Rasulullah SAW sebagai contoh terbaik kepada umat manusia untuk menyampaikan risalah-Nya melalui al-Quran. Ia bagi mengajak manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran dalam segala aspek termasuk hal kemasyarakatan dan kenegaraan mengikut syariat Allah.

Siasah syariah adalah paksi kepada kejayaan pemerintahan Rasulullah SAW. Baginda pernah mengadakan rundingan bersama pelbagai puak yang berpengaruh daripada kaum Quraisy serta mengikat perjanjian dengan kabilah Arab untuk menyebarkan agama Islam di kelompok atau negara masing-masing.

Bagaimanapun, tidak semua usaha Nabi berjaya kerana baginda tidak bersetuju dengan perundingan yang dimeterai, seperti rundingan baginda bersama Bani Syaiban. Ini kerana mereka memberi syarat untuk mengambil pemerintahan Rasulullah jika dakwah Islam berkesan.

Ini menunjukkan dasar keterbukaan Rasulullah SAW yang melaksanakan kaedah siasah syariah untuk mempertahankan negara walaupun tidak berjaya menyebarkan ajaran Islam.

Oleh itu, Malaysia sebagai negara yang memartabatkan Islam sebagai agama Persekutuan perlu mencontohi dan mengutamakan kaedah siasah syariah sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW.

Inilah yang ditekankan oleh Dipertua Yayasan Sofa, **Dr. Yusri Mohamad** dalam kertas kerjanya *Siasah Syariah Sebagai Instrumen Memelihara Keutuhan dan Kestabilan Negara* pada seminar Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah 3 di Universiti Antarabangsa Islam Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor baru-baru ini.

Seminar bertemakan *Siasah Syariah Dalam Konteks Religio Politik Semasa Malaysia'* itu dihadiri kira-kira 100 peserta terdiri daripada pelajar UIAM, orang awam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Ia dianjurkan oleh Pertubuhan Muafakat Sejahtera masyarakat Malaysia (Muafakat) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Antara pembentang kertas kerja ialah Presiden Pertubuhan Persahabatan Dakwah Global, Datuk Mohd. Nakhaie Ahmad; Pensyarah Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama UIAM, Prof. Madya Datuk Dr. Yusoff Mohammad; Presiden Ikatan Muslimin Malaysia (Isma), Abdullah Zaik Abd. Rahman dan Felo Amat Utama Akademik Institut Antarabangsa Tamadun dan Pemikiran Islam (ISTAC), Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady.

Turut hadir, Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu, Datuk Zulkifli Nordin; Exco agama kerajaan Selangor, Datuk Dr. Hasan Ali; Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jakim, Razali Shahabudin dan Presiden Wacana, Ismail Mina Ahmad.

Yusri berkata, siasah syariah sangat penting diamalkan kerana ia mampu menawarkan fahaman politik Islam yang dapat mengurangkan pertentangan dan kebencian antara parti politik Islam dan ahlinya.

Jelasnya, siasah syariah boleh menjadi asas tambahan kepada polisi dan dasar mempertahankan aliran Ahli Sunnah wal-Jamaah (ASWJ) sebagai satu-satunya aliran yang didokong oleh umat Islam di Malaysia.

Malah, ia juga mendokong undang-undang dan penguatkuasaan terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang cuba membawa aliran selain ASWJ.

"Siasah syariah juga sangat penting dalam mengurangkan ketegangan dalam masyarakat akibat persoalan politik kerana perbezaan politik bukan sehingga perselisihan akidah. Oleh itu, politik merupakan medan perpaduan umat bukan perpecahan," katanya.

Menurut Yusri, cabaran untuk merealisasikan siasah syariah adalah menangani usaha sesetengah pihak yang sering mengelirukan kaedah sebenar siasah syariah kerana sentimen yang terlalu kuat dalam menyokong atau menentang seseorang tokoh.

Sementara itu, Ismail Mina berkata, seminar itu bertujuan membincang dan mencari penyelesaian berhubung isu politik di negara ini.

Katanya, kecenderungan membahaskan isu tersebut didorong oleh dua faktor utama iaitu kerana terdesak dan faktor fundamental.

"Faktor yang pertama adalah terdesak kerana fenomena politik yang dicetuskan oleh kumpulan yang ingin mendominasi kuasa politik semata-mata, manakala faktor fundamental kerana kita mahu memelihara keutuhan agama Islam serta maruah umat Islam melalui instrumen kuasa politik umat," katanya.

Seorang lagi pembentang kertas kerja, **Nakhaie** berkata, jika siasah syariah dapat difahami dan diamalkan dengan betul maka ia sangat berpotensi menjadi landasan mengukuhkan keutuhan dan kestabilan negara.

Bagaimanapun, jika ia tidak diamalkan ia akan mengakibatkan kepincangan politik yang akan memberi kesan mendalam kepada kehidupan dalam pelbagai bidang.

"Contohnya, akan berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam dan pergaduhan sering terjadi di antara sesama parti politik. Pelbagai pertubuhan diinstitusikan sebagai gerakan yang mewujudkan golongan pemerintah dan pembangkang bahkan pemberontak.

"Kesannya, nyawa rakyat menjadi taruhan dan kezaliman semakin berleluasa seperti yang berlaku di negara timur tengah yang mengakibatkan ribuan manusia terkorban kerana pergolakan dalaman yang berlaku," katanya.

Justeru, pemimpin perlu mengamalkan kaedah siasah syariah sebagaimana yang dilaksanakan para khalifah suatu masa dahulu sehingga berjaya menggerakkan kepimpinan bersama dakwah Islamiah dengan kekuatan tentera dengan lebih meluas ke seluruh dunia.

Nakhaie membentangkan kertas kerja bertajuk *Siasah Syariah dan Kepentingannya Dalam Menguruskan Kepentingan Muslimin*'.

Bagi merealisasikan agenda tersebut, **Dr. Yusoff** pula berkata, orang Melayu perlu bersatu walaupun terpaksa mengorbankan parti bagi memperjuangkan martabat Islam dan Melayu.

"Pemimpin perlu bersedia bersama rakyat, tidak menunjuk-nunjuk kemewahan, mentadbir negara dengan berpaksikan agama Islam dan sifat mahmudah serta mengurangkan perebutan kuasa tetapi bersama-sama mengukuhkan parti," katanya.

Beliau berkata demikian semasa membentangkan kertas kerjanya bertajuk *Siasah Syariah Sebagai Mekanisme Pengukuhan Kuasa Politik Ummah Islam Malaysia*.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1115&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm